



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN  
KESEMBILAN BELAS MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

**PADA HARI ISNIN, 5HB RAMADHAN 1444 / 27HB MAC 2023  
(HARI KETUJUH BELAS)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMAJUAN**

- 2.1.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kemajuan Negara dan Tajuk-Tajuk di bawahnya.
- 2.1.2. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan iaitu Tajuk SP01A.
- 2.1.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, iaitu:
  - i. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
    - Menyoalkan mengenai 91 projek Rancangan Kemajuan Negara yang masih dalam rangka tawaran, sama ada dapat diusahakan untuk disiapkan dalam tahun ini; dan jika kemajuan status projek-projek dapat dikongsikan;

- Memohon pencerahan mengenai lokasi Kampus Kekal Politeknik di Ikas Bandung.

ii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

- Ingin mengetahui jika jumlah peruntukan bagi projek-projek dibawah Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ini khususnya untuk menyambung projek yang tertunggak sejak 2015 ataupun ianya sudah mengambil kira keperluan semasa pengusaha untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman dan ternakan dan adakah jumlah diperuntukkan tersebut mencukupi;
- Menyoalkan sama ada telah dibuat permuzakarahan bersama penternak-penternak, peladang-peladang dan pihak berkepentingan dalam sektor pertanian dalam membuat perkiraan peruntukan keperluan semasa.

iii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim

- Ingin mengetahui jumlah bilangan dan nilai projek-projek dan program-program RKN ke-11 yang dijangka akan dibawa ke RKN ke-12;
- Mencadangkan agar dasar dan peraturan yang khusus untuk digubal agar projek-projek yang akan dilaksanakan oleh *GLC* dan *FDI* dapat mengandungi *Local Development Content* untuk memberi peluang kepada peniaga tempatan dan untuk menjadikan industri pembinaan dan perkhidmatan *sustainable*;
- Ingin mengetahui sasaran penghasilan beras yang telah ditetapkan dengan pembukaan Kemajuan Penanaman Padi Secara Komersial di Kandol Fasa 2 dan jumlah yang dapat dihasilkan setakat ini.

iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin

- Memohon pencerahan jika *risk assessment and mitigation* yang cukup telah dibuat untuk membolehkan projek-projek rancangan kemajuan

negara disiapkan dengan kualiti yang tinggi serta pada masa yang tepat (*high quality, on time and on budget*);

- Ingin mengetahui sekiranya ada perangkaan untuk memantau projek-projek di peringkat kementerian dengan mengambil kira *lessons learnt* dari projek-projek lama.

v. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Mencadangkan agar dibuat kajian semula mengenai pembinaan jejambat di bawah Rancangan Kemajuan Negara memandangkan beberapa jejambat tidak digunakan secara kerap;
- Ingin mengetahui sama ada keperluan peruntukan dibawah tajuk Sumber Tenaga Manusia sudah selesai;
- Mencadangkan untuk disediakan peruntukan bagi menaiktaraf pos-pos kawalan imigresen.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf

- Ingin mengetahui sebab projek-projek yang ditunda kerana jika peruntukan yang disediakan untuk projek-projek ini tidak digunakan dalam tempoh ditetapkan, ianya boleh menjelaskan projek-projek yang lain; dan terus mencadangkan agar setiap kementerian bersedia rapi untuk memastikan projek-projek berjalan dengan lancar;
- Memohon pencerahan mengenai ketiadaan peruntukan dalam tahun 2023/2024 dan kelambatan pelaksanaan bagi Pembinaan Pusat Kesihatan Pandan, Kuala Belait;
- Mencadangkan agar projek pembinaan blok baharu di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dipercepatkan;
- Mencadangkan untuk diteliti semula projek-projek di bawah Tajuk 118 - Teknologi Maklumat dan Infokomunikasi; bagi mana-mana yang dapat untuk diintegrasikan data-data terutamanya

maklumat peribadi dan keterangan ke dalam satu *database* bagi mengelakkan sebarang duplikasi dan menjimatkan kos perbelanjaan kerajaan.

- vii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin
    - Berharap agar peruntukan Kemajuan ditadbir urus dengan cara berkesan dan efisien tanpa ada ketirisan, dan bagi projek-projek dipantau dengan rapi dan tidak ditangguhkan, serta berharap agar semua projek-projek akan dapat berjalan dengan lancar dan siap mengikut tarikh yang ditetapkan.
  - viii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
    - Memohon pencerahan jika projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan dalam RKN ke-11 akan dapat diteruskan di RKN ke-12;
    - Memohon pencerahan mengenai status lebihan peruntukan RKN ke-11, sama ada akan digunakan bagi projek-projek RKN ke-11 ataupun dapat dibawa ke peruntukan RKN ke-12.
- 2.1.4. Tajuk SP01A - Kemajuan telah diundi dan diluluskan untuk dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## **2.2. TAJUK BAB 1 - GELARAN PENDEK DAN PERMULAAN KUATKUASA AKTA**

- 2.2.1. Akta ini digelar Akta Perbekalan (2023/2024), 2023 dan akan mula berjalan berkuatkuasa pada 1hb., April 2023M.
- 2.2.2. Gelaran Pendek dan Permulaan Kuatkuasa dijadikan sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

## **3. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN, 2023/2024**

- 3.1. "Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2023/2024, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" telah dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Mesyuarat Jawatankuasa, dan seterusnya dipersetujui tanpa sebarang pindaan.

- 3.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) telah memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk Rang Undang-Undang dapat dibaca bagi kali Ketiga dan seterusnya untuk diluluskan.
- 3.3. Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Ugama telah menyokong untuk Rang Undang-Undang dibaca bagi kali ketiga.
- 3.4. Kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyokong sepenuhnya akan Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024.
- 3.5. Akta Perbekalan (2023/2024), 2023 telah diluluskan dan Akta ini akan berkuatkuasa mulai daripada 01hb., April 2023M.

#### **4. PERKARA VII - KETETAPAN-KETETAPAN**

- 4.1. No. 1 – Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.
  - Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah mencadangkan satu ketetapan, iaitu "**Majlis ini membuat ketetapan menurut Fasal (7) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Nombor 1 Tahun 2023 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah itu diluluskan**".
  - Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.
- 4.2. No. 2 - Ketetapan di bawah Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136)
  - Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan satu ketetapan, iaitu "**Majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) Dari Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) bahawa**

**perbelanjaan sejumlah \$500,000,000.00 (Lima ratus juta ringgit) untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Belanjawan Kemajuan 2023/2024”, dibentangkan sebagai Kertas Nombor 2 Tahun 2023.**

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan dipersetujui sebulat suara oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

## **5. PERKARA VII - UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

5.1. Beberapa orang Yang Berhormat Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan ucapan penangguhan:

- 5.1.1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam;
- 5.1.2. Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam;
- 5.1.3. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- 5.1.4. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
- 5.1.5. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

---

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 28HB MAC 2023 JAM 10:00 PAGI]**

---